

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 27

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci mengenai keberkesanan pelaksanaan program PeKa B40. Adakah Kementerian berhasrat untuk mempertingkatkan lagi faedah PeKa B40 serta kriteria kelayakan peserta bagi program kesihatan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Peduli Sihat untuk Kumpulan B40 atau dikenali sebagai PeKa B40 telah dilaksanakan di seluruh Negara sebagai projek perintis bermula 15 April 2019. Skim ini memberi fokus kepada saringan kesihatan bagi penyakit tidak berjangkit. Empat pakej manfaat yang ditawarkan adalah:

- i. Saringan Kesihatan
- ii. Bantuan Alat Perubatan
- iii. Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser; dan
- iv. Insentif Tambang Pengangkutan.

Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang berumur 50 tahun ke atas dan pasangannya yang berdaftar adalah layak secara automatik menyertai skim ini. PeKa B40 dilaksanakan dengan kerjasama klinik perubatan swasta yang berminat dan enam (6) makmal swasta

SOALAN NO : 27

berangkaian yang dikontrak. Sehingga 24 September 2019, sebanyak 1,430 buah klinik perubatan swasta telah berdaftar sebagai Klinik PeKa B40. Seramai 88,844 orang penerima BSH termasuk pasangan mereka yang berdaftar, berumur 50 tahun dan ke atas telah pun menjalani saringan kesihatan di bawah PeKa B40. Sehingga 1 September 2019, seramai 655 orang menerima manfaat 2, seramai 229 orang telah menerima manfaat 3 dan seramai 703 orang telah menerima manfaat 4.

Dari segi keberkesanannya PeKa B40, analisis sehingga 31 Julai 2019 menunjukkan sebanyak 55 peratus kes baru berjaya dikesan menghidap sekurang-kurangnya salah satu daripada penyakit tidak berjangkit berikut iaitu kencing manis, tekanan darah tinggi, tinggi kolesterol darah, kemurungan (*depression*) dan kerisauan (*anxiety*).

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mempertimbangkan untuk mengembangkan Peka B40 dari segi faedah atau manfaat serta kriteria kelayakan peserta bagi program ini setelah penilaian keberkesanannya secara menyeluruh terhadap projek perintis PeKa B40 ini dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.